

3/4 pelajar institusi
tinggi dari kampung

Mahathir: Dasar pelajaran adalah untuk seimbang kaum

11M - 7 APR 1975

MENTERI Pelajaran, Dr. Mahathir bin Mohamad, berkata hari ini usaha kerajaan di bidang pelajaran ialah untuk memperseimbangkan kaum dan membasmi kemiskinan.

Katanya, usaha ini telah nampak kejayaannya di mana hampir tiga suku pelajar di institusi-institusi pelajaran tinggi datang dari masyarakat yang berpendapatan rendah.

Kejayaan ini telah tercapai hasil dari bantuan-bantuan kerajaan seperti biasis-

PULAU PINANG 6 APRIL

wa, buku teks percuma, membina sekolah-sekolah di tempat-tempat terpencil di mana masyarakat miskin tinggal dan memansuhkan yuran sekolah hingga ke tingkatan satu.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika merasmikan Seminar Pelajaran Kebangsaan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK) di Dewan YMCA di sini hari ini.

Bellau berkata, "bantuan - bantuan serupa itu menunjukkan dengan jelasnya bahawa kerajaan sedang berusaha untuk menolong masyarakat miskin meningkatkan taraf hidup mereka melalui pelajaran."

Bagaimanapun Dr. Mahathir berkata, masih terdapat beberapa masalah di bidang pelajaran terutama di kawasan-kawasan luar bandar.

Kementerian Pelajaran, sedar bahawa sekolah-sekolah di kawasan-kawasan luar bandar masih belum lengkap dengan peralatan, tidak mencukupi guru, sementara murid-murid pula menghadapi kesulitan perhubungan dari rumah ke sekolah.

Ini semua, menyebabkan murid-murid tidak dapat menghadapi pelajaran mereka dengan sempurna di sekolah mahu pun

di rumah.

Bellau menyeru para peserta seminar selama tiga hari itu supaya mengkaji, menungulas, merumus dan mengambil ketetapan untuk menyelesaikan masalah yang banyak itu.

Mengenai sungutan dari guru-guru yang tidak senang duduk lama di luar bandar, Dr. Mahathir berharap mereka dapat bertolak ansur dengan guru-guru di bandar supaya masalah ini dapat diatasi secara harmoni.

Presiden KPPK, Haji Ahmad bin Abdul Rahman, telah menimbulkan kera-

gian KPPK terhadap pengambilan guru-guru luar negeri untuk mengajar di negeri ini.

Bellau mencadangkan supaya tindakan mengambil guru luar negeri secara konterek ini dihentikan dan sebaliknya mengadakan konsep pertukaran guru-guru dengan negara-negara itu.

Haji Ahmad percaya dengan pengalaman yang diperolehi oleh guru-guru Malaysia di negara-negara sahabat akan dapat digunakan secara diubahsuai dengan keadaan di negara ini.